

Peranan MakCik Travels dalam Penyediaan Sokongan Terhadap Warga Emas di Malaysia

The Role of MakCik Travels in the Providing of Support for Older Adults in Malaysia

MOHD NAJIB MD DON¹, NIK NORLIATI FITRI MD NOR¹, & NORHAYATI MAT GHANI² & SITI SARAH ANUAR³

¹Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11700 Pulau Pinang

²Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Pulau Pinang

³Ketua Pegawai Eksekutif Auntie Wanders Enterprise, Kuala Lumpur

Corresponding author: nikfitri@usm.my

Published online: 30 June 2023

To cite this article (APA): Md Don, M. N., Md Nor, N. N. F., Mat Ghani, N., & Anuar, S. S. (2023). Peranan MakCik Travels dalam Penyediaan Sokongan Terhadap Warga Emas di Malaysia. *GEOGRAFI*, 11(1), 68–86. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol11.1.4.2023>

ABSTRAK Artikel ini membincangkan peranan Makcik Travels dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada warga emas di Malaysia. Kajian ini bertujuan memahami bagaimana perkhidmatan Makcik Travels memberikan sokongan sosial dan praktikal kepada warga emas yang tinggal sendirian atau memerlukan bantuan dalam mobiliti harian. Metodologi kajian melibatkan pemerolehan data melalui temu bual mendalam bersama 10 orang AdiNita yang menyediakan perkhidmatan Makcik Travels dalam kalangan warga emas. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh Makcik Travels adalah seperti menyediakan pengangkutan peribadi, pemandu dan peneman. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Perkhidmatan ini bukan sahaja menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan dan membeli barangan keperluan harian, tetapi juga menyokong aspek sosial melalui hubungan persahabatan yang terjalin antara warga emas dan AdiNita (pemandu dan peneman). Perkhidmatan Makcik Travels juga dapat membantu mengurangkan perasaan kesunyian dalam kalangan warga emas ketika mereka tinggal sendirian. Perkhidmatan ini dapat memupuk nilai ambil peduli komuniti terhadap warga emas, yang merupakan elemen penting dalam pembangunan masyarakat yang inklusif. Sumbangan kajian ini dapat memberikan pandangan mendalam tentang bagaimana perkhidmatan berasaskan komuniti seperti Makcik Travels dapat membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan mengurangkan kebergantungan mereka terhadap keluarga. Artikel ini menggariskan keperluan untuk meluaskan perkhidmatan sama ke seluruh negara dan mengambil berat tentang kesejahteraan warga emas dalam masyarakat yang semakin menua.

Kata kunci: AdiNita, Makcik Travels, warga emas, sokongan sosial, peneman, pemandu, kesejahteraan hidup, Malaysia

ABSTRACT This article discusses the role of MakCik Travels in providing support services to older adults in Malaysia. The study aims to understand how the services offered by MakCik Travels provide both social and practical support to elderly individuals who live alone or require assistance in their daily mobility. The research methodology involved data acquisition through in-depth interviews with 10 AdiNita members who provide

MakCik Travels services to older adults. The study's findings indicate that the services provided by MakCik Travels, such as offering personal transportation, drivers, and companions, play a crucial role in enhancing the well-being of the elderly. These services not only provide access to healthcare and daily necessities but also support the social aspect by fostering friendships between the elderly and AdiNita members (drivers and companions). MaCcik Travels' services can also help reduce feelings of loneliness among the elderly when they live alone. Furthermore, these services can cultivate a sense of community care for senior citizens, which is an essential element in building an inclusive society. The contribution of this study provides valuable insights into how community-based services like MakCik Travels can enhance the quality of life for older adults and reduce their dependence on family members. The article underscores the need to expand similar services nationwide and prioritize the well-being of the elderly in an aging society.

Keywords: *AdiNita, MakCik Travels, social support, companionship, driver, well-being, Malaysia.*

1. Pengenalan

Dunia kini mengalami pertambahan jumlah penduduk warga emas, terutama mereka yang berusia 60 tahun ke atas, sama ada di peringkat global mahupun di Malaysia (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2023). Senario ini adalah hasil daripada kemajuan dalam bidang perubatan dan peningkatan jangka hayat penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022a; Siti Anom Ahmad et al., 2022). Di Malaysia, jumlah penduduk warga emas pada masa kini berjumlah sekitar 3.6 juta orang dan merupakan 11.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022b). Ramalan menunjukkan bahawa, Malaysia bakal menghadapi cabaran demografi yang signifikan menjelang tahun 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas dijangka meningkat sehingga 15 peratus daripada keseluruhan penduduk (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2023; Malaysia Kini, 2023; Majlis Keselamatan Negara, 2023). Perubahan dalam struktur demografi ini membawa cabaran kepada Malaysia terutama dalam aspek penjagaan kesihatan dan kebajikan sosial warga emas. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2020 menunjukkan bahawa negeri Perak telah mencapai status sebagai "negeri tua" kerana jumlah penduduk berusia 60 tahun ke atas mewakili 15.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri tersebut (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020a). Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang siapa yang akan menjaga dan memberikan sokongan sosial kepada warga emas, terutamanya apabila anak-anak mereka meninggalkan rumah atau berhijrah ke tempat lain. Oleh itu, peranan jiran dan komuniti setempat menjadi semakin penting dalam menyediakan sokongan yang diperlukan oleh warga emas.

Kajian ini bertujuan mengkaji secara lebih mendalam tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels dalam menyediakan sistem sokongan sosial terhadap warga emas di Malaysia. Tumpuan kajian adalah terhadap peranan dan sumbangan MakCik Travels dalam membantu meningkatkan kesejahteraan golongan warga emas. Pertambahan bilangan warga emas di Malaysia telah menjadikan perkhidmatan seperti ini penting bagi membantu negara dalam menguruskan isu berkaitan warga emas. Makcik Travels

merupakan sebuah agensi di bawah Auntie Wanders Enterprise yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada warga emas. Perkhidmatan ini digerakkan oleh AdiNita dan mereka digelar sebagai AdiNita kerana kesemuanya adalah terdiri daripada golongan wanita sahaja. Kajian ini memberi fokus terhadap AdiNita yang berperanan sebagai peneman dan pemandu kepada warga emas. AdiNita bukan sahaja memberi perkhidmatan terhadap warga emas tetapi juga kepada golongan wanita dan kanak-kanak. Auntie Wanders Enterprise diasaskan oleh Dr Sazlina Kamaralzaman dan Siti Sarah Anuar pada tahun 2018. Mereka memulakan perkhidmatan MakCik Travels di Bangi, Selangor selepas menjalankan tinjauan ringkas dalam Facebook. Pada asasnya, perkhidmatan MakCik Travels ini merupakan perkhidmatan berkonsepkan pemandu dan peneman untuk wanita sahaja. Walau bagaimanapun perkhidmatan MakCik Travels semakin meluas dan berkonsepkan sahabat. Perkhidmatan MakCik Travels disediakan di beberapa kawasan seperti di Kuala Lumpur, Alor Setar, Johor Bharu, Taiping, Putrajaya, Selangor, Nilai (Negeri Sembilan) dan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Dapatan kajian ini boleh memberi implikasi penting kepada penggubal dasar, pemimpin masyarakat, dan organisasi lain yang berminat untuk menyokong warga emas di Perak dan Malaysia amnya. Ia juga dapat membantu mengenal pasti amalan terbaik, jurang dalam perkhidmatan, dan peluang untuk kerjasama dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas di Malaysia. Selain itu, penyelidikan ini boleh menjadi model sokongan komuniti terhadap warga emas di wilayah lain dalam menghadapi perubahan demografi dan cabaran berkaitan dengan populasi warga emas yang semakin meningkat.

Seiiring dengan peningkatan warga emas setiap tahun di Malaysia, khususnya di negeri Perak, maka sokongan dan penjagaan terhadap warga emas juga meningkat dalam kalangan ahli keluarga terutamanya anak-anak. Walau bagaimanapun terdapat anak-anak yang terpaksa berhijrah ke bandar atau meninggalkan rumah untuk bekerja menyebabkan warga emas terpaksa tinggal bersendirian atau bersama pasangan masing-masing. Keadaan ini menyukarkan warga emas untuk mendapatkan askes kepada penjagaan kesihatan, mendapatkan sumber kewangan, membeli keperluan harian dan menjaga mereka ketika sakit (Yudhiakuari et al., 2018). Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan warga emas hilang tempat bergantung dan terpaksa mengharapkan komuniti untuk menyediakan sokongan sosial kepada mereka. Peningkatan usia warga emas sering dikaitkan dengan kemerosotan tahap kesihatan mereka dan penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, diabetes, gangguan penglihatan dan pendengaran, dan penurunan kognitif (Stefanacci, 2022; Jaul & Barron, 2017). Ahli keluarga memainkan peranan penting dalam membantu warga emas seperti memenuhi temujanji hospital, mengambil ubat—ubatan dan memberikan sokongan emosi kepada mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya anak-anak terpaksa berhijrah, maka siapa lagi yang boleh mereka harapkan? Justeru, pekhidmatan yang disediakan oleh MakCik Travels menunjukkan salah satu sokongan komuniti terhadap warga emas sekaligus mendorong ke arah kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas.

2. Kajian Literatur

Kajian literatur bertujuan meneroka peranan ahli keluarga terutama anak-anak dan masyarakat dalam menyediakan sokongan terhadap warga emas. Di samping itu, kajian literatur ini juga dijalankan untuk mengenal pasti kepentingan sokongan keluarga dan komuniti dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas. Sokongan daripada keluarga memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan fizikal, emosi dan sosial warga emas yang lemah dan menyumbang kepada kesejahteraan serta kualiti hidup mereka. Kajian yang dijalankan oleh Hantrais et al., 2020; Gallardo et al., 2022; Thomas & Liu, 2017, telah menonjolkan aspek sokongan keluarga yang diberikan oleh pasangan (suami/ isteri), anak-anak, menantu, cucu, adik-beradik dan saudara-mara terhadap warga emas. Sokongan yang diberikan adalah dalam bentuk sokongan sosial seperti berbual-bual, berziarah, berhubung melalui telefon dan membawa ke klinik (Mahmud et al., 2020). Sokongan ekonomi adalah dengan menyediakan sumber kewangan, membeli atau menyediakan barangan keperluan harian. Manakala sokongan fizikal pula ialah dengan menyediakan persekitaran dan perumahan yang baik, sesuai dengan keselesaan warga emas dan menyediakan peralatan kesihatan seperti kerusi roda, tongkat, alat bantuan pernafasan, alat pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan kesihatan kandungan gula (glukosa) dalam darah dan tekanan darah tinggi.

Sokongan masyarakat yang melibatkan sokongan sosial pula adalah daripada rakan-rakan dan jiran berdekatan dalam membantu warga emas yang tinggal seorang diri. Sokongan tersebut seperti menziarah, membeli barangan keperluan dan membawa ke pusat rawatan seperti klinik dan hospital. Sokongan komuniti terhadap warga emas amat diperlukan untuk mewujudkan masyarakat yang prihatin dan mempunyai sifat empati (Healthcare Professionals Group, 2023; Beadle & Vega, 2019). Memandangkan populasi warga emas terus meningkat di seluruh dunia, jadi sokongan komuniti penting bagi memastikan akses warga emas terhadap penjagaan kesihatan berterusan. Sebagai contohnya penyediaan pengangkutan terhadap warga emas bagi mendapatkan rawatan kesihatan. Ini kerana, salah satu halangan bagi warga emas untuk mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan ialah berpunca daripada masalah ketiadaan pengangkutan. Ramai warga emas yang menghadapi cabaran mobiliti atau tinggal di kawasan kemudahan pengangkutan awam yang sangat terhad.

Sokongan komuniti dapat menangani isu ini melalui perkhidmatan pengangkutan berasaskan sukarelawan, di mana ahli komuniti membantu warga emas dalam mencapai kemudahan penjagaan kesihatan seperti memenuhi temu janji hospital/ klinik dan mengambil ubat-ubatan. Keadaan ini menunjukkan bahawa, sokongan komuniti memainkan peranan penting dalam meningkatkan akses penjagaan kesihatan bagi warga emas, memastikan mereka menerima rawatan dan bantuan perubatan yang diperlukan. Melalui inisiatif kesihatan komuniti, perkhidmatan pengangkutan, program celik kesihatan dan penjagaan di rumah membolehkan warga emas mengakses perkhidmatan penjagaan

kesihatan dengan lebih mudah dan cekap. Pendekatan berasaskan komuniti terhadap akses penjagaan kesihatan dalam dasar awam dan perancangan penjagaan kesihatan adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif dan dapat menyediakan sokongan sosial yang baik kepada warga emas. Melalui kerjasama dalam komuniti, masyarakat boleh menghormati dan saling menghargai ahlinya yang lebih tua dan memastikan penjagaan kesihatan warga emas yang berterusan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual mendalam bersama 10 orang AdiNita yang tinggal di sekitar Daerah Taiping, Perak. Responden kajian terdiri daripada individu yang terlibat dalam pekerjaan sebagai AdiNita, sama ada sebagai pekerja sepenuh masa atau sambilan, dengan tujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Terma "AdiNita" ialah hasil gabungan perkataan 'Adiwira,' yang merujuk kepada wira atau pahlawan, dan 'wanita,' yang bermaksud individu perempuan. AdiNita melaksanakan dua jenis tugas, iaitu sebagai pemandu, peneman, atau kedua-duanya (www.makciktravels.com). Pendapatan AdiNita diperoleh melalui bayaran yuran tempahan yang dibayar oleh pelanggan, dan mereka mempunyai fleksibiliti untuk memilih tugas yang bersesuaian dengan keperluan mereka. AdiNita dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan seperti guru, suri rumah, ibu tunggal, peniaga dalam talian, dan pekerja sektor swasta.

Kajian ini memilih pendekatan kualitatif kerana ia sesuai untuk mendapatkan maklumat secara mendalam dalam konteks kajian kes. Terdapat beberapa kepentingan utama yang berkaitan dengan penggunaan pendekatan kualitatif berbanding kuantitatif dalam kajian ini; i) Ketumpatan Data Kualitatif: Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik mengumpul data yang lebih mendalam dengan memahami pengalaman, pandangan, dan perasaan AdiNita. Ini memperkaya maklumat yang diperoleh dengan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai perkhidmatan MakCik Travels dan pengalaman individu; ii) Fleksibiliti dalam Memahami Konteks: Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang mungkin berubah semasa kajian berlangsung, dan ini membantu penyelidik merangkumi aspek-aspek yang kompleks dalam konteks penyelidikan; iii) Penekanan kepada Etika dan Kerahsiaan: Kajian ini memberikan penekanan kepada etika, termasuk mendapatkan kebenaran daripada responden sebelum penyelidikan, menjaga kerahsiaan maklumat peribadi responden, dan penggunaan gelaran seperti Responden 1 (R1) dan lain-lain untuk melindungi identiti individu. Responden juga dijamin bahawa maklumat yang mereka berikan tidak akan didedahkan kepada orang lain dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan; iv) Memahami dengan Mendalam Kualiti Perkhidmatan: Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik mengekspresikan elemen-elemen kualitatif perkhidmatan yang tidak dapat

diukur secara kuantitatif, termasuk perasaan puas hati pelanggan dan pengalaman pengguna.

Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkhidmatan MakCik Travels dan kesan terhadap warga emas dan AdiNita yang menyediakan perkhidmatan tersebut.

4. Analisis dan Dapatan Kajian

Dapatan kajian membincangkan empat perkara iaitu i) demografi responden, ii) cara pengiklanan tentang perkhidmatan MakCik Travels, iii) perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels, iv) jenis caj perkhidmatan yang dikenakan oleh MakCik Travels.

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan demografi bagi sepuluh orang responden yang dikaji. Responden terdiri daripada wanita berumur dalam lingkungan umur 28 hingga 57 tahun. Kesemua responden merupakan wanita warga tempatan, berbangsa melayu dan tinggal di Daerah Taiping, Perak. Mereka juga terdiri daripada wanita yang sudah berkahwin dan dua daripada responden berstatus janda. Kebanyakan responden adalah suri rumah. Namun begitu, mereka yang mempunyai pekerjaan seperti guru, berniaga, kerani kilang dan pembantu kedai makan juga turut menjadikan AdiNita sebagai sumber pendapatan sampingan. Rata-rata responden menyatakan mereka telah berkhidmat sebagai AdiNita bersama Makcik Travels antara satu hingga tiga tahun. Pendapatan yang diperolehi sebagai AdiNita adalah antara RM250 hingga RM500 sebulan. Pendapatan AdiNita bergantung kepada kekerapan mereka membawa warga emas ke destinasi yang diperlukan seperti ke klinik, ke bank, ke pasar dan sebagainya. Kenderaan yang digunakan untuk membawa warga emas adalah seperti kereta Perodua Alza, Toyota Avanza, Proton Saga, Proton Myvi, Proton Bezza dan Proton Viva.

Jadual 1
Latar belakang responden

Responden (R)	Umur	Taraf perkahwinan	Pekerjaan utama	Tempoh Berkhidmat dengan Makcik Travels	Pendapatan sebagai AdiNita (RM)	Kenderaan yang digunakan
R1	32	Berkahwin	Berniaga	1 tahun	-	Tidak dinyatakan
R2	57	Janda	Suri rumah	3 tahun	400	Perodua Alza
R3	40	Berkahwin	Guru	2 tahun	250	Perodua Alza
R4	48	Berkahwin	Berniaga	1 tahun	350	Tovota Avanza
R5	28	Berkahwin	Suri rumah	1 tahun	400	Proton Saga
R6	31	Berkahwin	Suri rumah	2 tahun	500	Proton Myvi
R7	35	Berkahwin	Suri rumah	3 tahun	500	Proton Saga
R8	27	Berkahwin	Kerani kilang	2 tahun	400	Perodua Viva
R9	48	Berkahwin	Suri rumah	3 tahun	500	Perodua Bezza
R10	30	Janda	Pembantu Kedai Makan	2 tahun	300	Perodua Alza

4.2 Cara Pengiklanan Tentang Perkhidmatan MakCik Travels

Kajian mendapati bahawa, terdapat tiga cara pengiklanan perkhidmatan MakCik Travels iaitu, melalui aplikasi *Facebook*, Internet seperti *Google* dan melalui rakan-rakan kenalan serta ahli keluarga AdiNita itu sendiri (Jadual 2). Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka mendapat maklumat berkaitan perkhidmatan Makcik Travel adalah melalui ahli keluarga, adik-beradik dan rakan iaitu seperti yang dinyatakan oleh responden R1,R3, R6,R9,R10. Selain itu, 2 lagi responden menyatakan mereka mengetahui maklumat berkaitan perkhidmatan MakCik Travels adalah melalui aplikasi *Facebook* iaitu seperti dinyatakan oleh Responden 7 dan 8. Manakala R2, R4, R5 pula menyatakan mereka mendapat maklumat berkaitan perkhidmatan Makcik Travel melalui sumber Internet dan *Google*.

Jadual 2
Cara Pengiklanan Tentang Perkhidmatan MakCik Travels

Cara pengiklanan tentang perkhidmatan MakCik Travels	Responden	Jumlah	Peratus (%)
Pengiklanan di Facebook	R7, R8	2	20
Pengiklanan melalui ahli keluarga dan rakan	R1, R3, R6 R9,R10	5	50
Pengiklanan di Internet/Google	R2,R4,R5	3	30
Jumlah		10	100

4.2.1. Pengiklanan di Facebook

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, hanya dua orang responden sahaja iaitu Responden 7 dan Responden 8 yang mengetahui tentang adanya perkhidmatan MakCik Travels terutamanya di Daerah Taiping melalui pengiklanan daripada Facebook. Menurut Responden 7, beliau hanya mengetahui berkaitan perkhidmatan sebagai AdiNita melalui kenalan di Facebook. Ketika itu, beliau sedang mencari pekerjaan sambilan dan mengiklankannya di Facebook. Terdapat kenalan Facebook telah mencadangkan supaya beliau berkhidmat sebagai AdiNita MakCik Travels. Perkara yang sama turut dikongsikan oleh Responden 8, yang mana terdapat kenalan Facebooknya telah menanda nama beliau pada halaman Facebook MakCik Travels. Responden berasa tertarik apabila membaca halaman Facebook tersebut kerana selain dapat menambah pendapatan, beliau juga dapat membantu warga emas. Menurut mereka:

“Dari kawan Facebook saya. Masa tu saya ada tulis dalam FB nak cari kerja part time untuk cari duit sendiri sambal bantu keluarga saya.” (Responden 7).

“Sebenarnya, saya tahu dalam Facebook, masa tu saya tengah tengok-tengok Facebook dan scroll ternampak Facebook MakCik Travels ni, tu pun kawan FB saya tag nama saya, tu yang saya dapat. Saya baca macam menarik dan terfikir boleh buat part time kalau saya cuti. Satu lagi perkhidmatannya pun bagus untuk membantu warga emas terutamanya golongan wanita”. (Responden 8).

Kajian menunjukkan bahawa, pekerjaan sebagai AdiNita ini selain dapat memberi sokongan sosial kepada warga emas dalam masa yang sama turut membantu menambah pendapatan golongan wanita yang berkhidmat sebagai AdiNita.

4.2.2 Melalui Rakan-rakan dan keluarga

Selain itu, terdapat AdiNita yang mengetahui maklumat berkaitan perkhidmatan MakCik Travels melalui rakan-rakan dan ahli keluarga. Responden 3 menyatakan beliau mengetahui berkaitan perkhidmatan tersebut melalui rakan di tempat beliau mengajar. Apabila mendapat maklumat tersebut, responden membuat carian berkaitan MakCik Travels dengan lebih terperinci melalui aplikasi Google. Hal yang sama turut dikongsikan oleh Responden 6 dengan menyatakan bahawa rakannya memberikan maklumat berkaitan perkhidmatan MakCik Travels kepadanya. Menurut mereka:

“Saya tahu dari kawan di tempat saya mengajar. Kemudian saya cuba google dan cari Facebook MakCik Travels seperti yang kawan saya ceritakan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai MakCik Travel ni”. (Responden 3).

“Saya dapat tahu dari kawan”. (Responden 6).

Kajian menunjukkan bahawa, maklumat yang disampaikan oleh rakan-rakan terdekat dapat memberi maklumat kepada responden tentang perkhidmatan MakCik Travels. Melalui perkongsian maklumat tersebut dapat memberi idea kepada responden yang ingin mencari pendapatan sampingan.

4.2.3. Melalui Pengiklanan di Internet

Selain itu, seramai 3 orang responden mendapat tahu berkaitan perkhidmatan MakCik Travels ini daripada aplikasi Google, iaitu seperti yang dinyatakan oleh Responden 2, Responden 4 dan Responden 5. Ketiga-tiga responden menjelaskan bahawa, semasa mencari maklumat di Internet, secara tidak sengaja mereka mendapat maklumat tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels. Menurut Responden 2, perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels dapat menarik perhatian beliau kerana berasa lebih selamat dengan terma yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Hal ini kerana, mereka hanya perlu membawa penumpang wanita sahaja dan perjalanan hanya di sekitar Taiping. Responden 4 pula menyatakan, perkhidmatan MakCik Travels sama seperti perkhidmatan Grab tetapi kadang kala perlu menemani warga emas jika diperlukan perkhidmatan mereka. Menurut mereka:

“saya masa tu planning untuk buat grab waktu saya di Kuala Lumpur, saya google-google grab tengok dia punya kehendak tu agak banyak lah, nak apply lesen, nak kena temuduga pemandu apa semua kehendak kereta tu semua macam-macam dia nak. So saya google saya ternampak lah perkataan MakCik Travels ni so saya fikir betul saya cakap eh bagus juga ni, sebab saya rasa mungkin lebih selamat, sebab saya punya penumpang semua perempuan dan saya boleh pilih tempat saya di Taiping, jadi di Taiping tu kawasan saya tahu dari Batu Kurau sampailah ke Trong.

So memang kawasan saya tahu sampai ke Kuala Kangsar atau Ipoh. So mana-mana pun boleh lah di Perak, seluruh Perak lain pun saya boleh” (Responden 2).

“Saya dapat maklumat MakCik Travels dari Google, masa tu saya nak cari perkhidmatan untuk menghantar biskut-biskut saya macam grab dan food panda tu. Sekali saya terjumpa perkhidmatan MakCik Travels macam menarik perkhidmatan yang disediakan, lebih kurang macam grab je, cuma dia lebih kepada menghantar orang untuk dapatkan rawatan di hospital atau klinik. Ada juga perkhidmatan macam menjaga orang tua atau boleh juga meneman orang jika diperlukan”(Responden 4).

Berbeza dengan Responden 5 kerana beliau sendiri mencari perkhidmatan yang boleh membantu ibunya yang lumpuh. Disebabkan tiada keupayaan membawa ibunya sendirian ke hospital, menyebabkan beliau memerlukan perkhidmatan daripada MakCik Travels. Menurutny:

“Saya terjumpa dalam internet, masa tu saya googel nak cari perkhidmatan yang boleh bantu mak saya yang lumpuh untuk bawa ke hospital, saya tak mampu nak bawa mak saya sorang-sorang, suami pulak keja susah nak cuti, anak kecil lagi. Jadi saya ingat nak carilah perkhidmatan yang boleh bantu orang lumpuh ni. Bila say cari, saya terjumpa MakCik Travels ni dan saya baca boleh kot kalau minta bantuan dari MakCik Travels sebab saya perempuan, mak saya pun perempuan, pemandu dia pun perempuan, mudahlah nak berurusan macam nak angkat mak saya tu nanti”. (Responden 5).

Dapatan menunjukkan bahawa, internet sangat membantu AdiNita untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels. Maklumat yang dimuatnaik juga memberi idea kepada AdiNita untuk menceburi bidang perkhidmatan tersebut dan bernaung di bawah syarikat MakCik Travels.

4.3 Perkhidmatan yang Ditawarkan oleh MakCik Travels

Kajian mendapati bahawa, perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels adalah sebagai pemandu dan peneman kepada warga emas, iaitu seperti yang dinyatakan oleh semua responden. Perkhidmatan pemandu adalah dengan cara membawa warga emas ke tempat yang ingin dituju seperti ke hospital, bank, membeli belah dan sebagainya. Istilah peneman pula adalah menemani warga emas contohnya menemani untuk ke hospital, menemani mereka di rumah, menemani warga emas berjalan-jalan dan sebagainya. Kajian mendapati bahawa, kesemua AdiNita ini bertugas sebagai pemandu dan peneman kepada warga emas. Sebagai contohnya seperti yang dinyatakan oleh Responden 1. Perkhidmatan untuk warga emas adalah lebih kepada pemandu dan peneman. Sebagai contohnya mereka menemani warga emas di hospital dari awal sehingga selesai urusan. Terdapat juga AdiNita

yang menemani warga emas di rumah contohnya untuk menjaga dan menyediakan makanan. Menurutnya”

“Perkhidmatan untuk warga emas, contoh macam diorang panggil jepron, jepron ni sebagai peneman orang kata satu sebagai driver, satu sebagai peneman lah. Yang ni diorang urus macam seorang mak cik ni dia pergi hospital, dia akan temanlah dari awal pengurusan hospital sampai habis. Itu salah satunya lah, ada yang teman kat rumah untuk bagi makan, orang kata tengok perkhidmatan yang ditawarkan lah orang kata” (Responden 1).

Menurut Responden 2 dan 4 pula, perkhidmatan peneman yang ditawarkan oleh MakCik Travels antaranya menemani pelanggan untuk pergi membeli belah atau menemani warga emas di rumah sekiranya tiada yang mengurusnya. Antaranya memberi ubat mengikut waktu, menguruskan warga emas dan menemani mereka ketika anak-anak tiada di rumah. Menurut Responden 2 dan 4:

“Dia juga sebagai peneman, contohnya teman customer untuk pergi shopping, ataupun bantu dia di rumah, katalah pelanggan tu sakit anak dia mintak tolong uruskan mak dia kat rumah, jadi tolong bagi makan ubat, tolong teman jer. Sebagai peneman juga lah selain pemandu” (Responden 2).

“Yang saya tahu lah ada sebagai pemandu seperti menghantar orang untuk pergi ke bandar, hospital, bank dan sebagainya. Ada juga sebagai peneman macam menjaga orang di rumah jika diperlukan atau teman pergi ke klinik jika orang tua” (Responden 4).

Responden 5 pula menyatakan beliau mengetahui perkhidmatan yang di tawarkan oleh MakCik Travels adalah sebagai pemandu dan peneman. Walau bagaimanapun, responden menjelaskan beliau selalu mendapat tempahan sebagai pemandu sahaja dan belum pernah menjadi peneman kepada warga emas. Beliau menjelaskan kebiasaannya warga emas yang mendapatkan perkhidmatannya untuk di hantar ke pasar, Hospital Taiping, ke pekan dan sebagainya. Menurutnya:

“Sebagai pemandu dan Peneman, tapi saya selalunya dapat tempahan sebagai pemandu menghantar penumpang saya ke pasar, pekan, Hospital Taiping dan lagi-lain lagi lah. Kalau sebagai peneman tak pernah” (Responden 5).

Perkara sama turut dinyatakan oleh Responden 9, yang mana menurutnya, beliau mengetahui perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels adalah sebagai pemandu dan peneman kepada warga emas. Menurutnya, perkhidmatan sebagai pemandu seperti membawa warga emas ke pasar, klinik atau hospital. Menurut responden lagi, perkhidmatan peneman pula adalah mereka perlu menemani warga emas contohnya menemani di rumah sekiranya warga emas tersebut bersendirian. Menurut Responden 9:

“Apa yang saya tahu perkhidmatan untuk warga emas ada 2 iaitu sebagai pemandu yang boleh bawa pergi kedai atau pasar, hospital atau klinik. Ada 1 lagi sebagai peneman yang boleh teman orang tua kalau tiada sesiapa di rumahnya”. (Responden 9)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels iaitu sebagai pemandu dan peneman kepada warga emas dapat meningkatkan keupayaan sosial mereka untuk pelbagai tujuan dan destinasi. Perkhidmatan yang ditawarkan ini memudahkan urusan warga emas dan anak-anak yang mempunyai kekangan masa dan tenaga dalam usaha untuk menguruskan ibu bapa yang sudah tua.

4.4 Jenis Caj Perkhidmatan yang dikenakan oleh MakCik Travels

Hasil temu bual mendapati, terdapat dua jenis caj yang dikenakan terhadap perkhidmatan MakCik Travels. Kesemua responden menjelaskan bahawa, caj yang dikenakan adalah mengikut jarak bagi perkhidmatan pemandu atau penghantar ke mana-mana destinasi yang ditentukan oleh pelanggan. Satu lagi caj dikenakan adalah mengikut jangka masa bagi perkhidmatan peneman atau menjaga warga emas. Contohnya menurut Responden 1, caj yang dikenakan adalah mengikut jarak yang ingin dituju oleh pelanggan. Sekiranya sebagai peneman, caj yang dikenakan adalah mengikut jam. AdiNita ini juga boleh mengenakan caj tambahan sekiranya pelanggan meminta untuk menunggu sehingga urusan mereka selesai. Menurut Responden 1:

“Kalau sebagai pemandu ikut pada jarak, jarak daripada destinasi, lokasi ke destinasi lah. Kalau peneman dia ikut pada jam, ada juga lah kalau macam melebihi, dia suruh kita tunggu sekejap, kita sebagai pemandu tapi dia suruh kita tunggu sekejap untuk uruskannya baru dia naik kereta, itupun akan caj juga” (Responden 1).

Menurut Responden 2 pula, caj yang dikenakan untuk peneman adalah mengikut jam. Responden 2 turut menjelaskan bahawa, syarikat MakCik Travels mempunyai sistem yang mana setiap akaun AdiNita perlu memasukkan duit seperti sistem tambah nilai. Sekiranya terdapat pelanggan, pihak ibu pejabat akan memotong sedikit daripada jumlah tambah nilai tersebut. Menurut responden, sistem yang digunakan oleh MakCik Travels ini sangat sistematik kerana AdiNita dapat mengetahui berapa pendapatan yang diperolehi setiap kali menyediakan perkhidmatan. Sistem yang digunakan juga sudah dilengkapi dengan pengiraan yang memudahkan AdiNita untuk membuat pengiraan sendiri. Menurut Responden 2:

“Kalau untuk sebagai pemandu, HQ akan tengok jarak, dan tengok jarak sama ada sehalu atau dua hala, jadi dia akan ambil sikitlah dari situ, maknanya kami sebagai AdiNita ni kena ada masukkan duit ada top up, dia macam sistem top up, so bila kita ada job dia akan potong top up sikit dan dia akan bagi job tu kalau kita kosong. So kita dah tahu lah berapa yang kita akan dapat, sebab dia dah

potong siap-siap. Dalam sistem tu dia ada pengiraan, so bila tak cukup kita punya top up tu, kita kena masukkan duit, klu tak cukup nanti kita tak akan dapat ambil job lah. Sistem macam tu lah”, “Kalau peneman ikut jam, berapa jam kan? 1 jam dia ada berapa ringgit, kalau lama tempoh kata sehariankan ada berapa ringgit dia ikut tempohlah” (Responden 2).

Responden 4 dan 9 pula menyatakan bahawa, caj adalah mengikut jenis perkhidmatan yang dipilih dan harga telah ditetapkan oleh ibu pejabat MakCik Travels. Kedua-dua responden sependapat dengan responden yang lain dengan menyatakan bahawa caj dikenakan oleh MakCik Travels adalah mengikut jarak. Manakala caj untuk menjaga atau meneman warga emas pula adalah mengikut tempoh berapa lama AdiNita menjaga pelanggan tersebut. Menurut Responden 4 dan 9, walaupun harga telah ditetapkan oleh pihak ibu pejabat MakCik Travels, namun AdiNita boleh menolak perkhidmatan tersebut sekiranya dirasakan bayaran tidak sesuai. Responden 9 juga menjelaskan beliau hanya membuat perkhidmatan menghantar penumpang sahaja dan masih belum pernah mengambil perkhidmatan meneman. Menurut mereka:

“Macam saya selalu caj perkhidmatan mengikut jarak dan harga telah ditetapkan oleh pihak HQ, jadi kalau saya setuju baru saya ambil penumpang tu, tapi kalau perkhidmatan meneman saya tak pernah lagi cuma apa yang saya tahu ia mengikut waktu berapa lama AdiNita tu menjaga atau meneman pelangganya”. (Responden 9).

“Caj bayaran mengikut jenis perkhidmatan yang dipilih itu pun harga dah ditetapkan HQ seperti orang caj mengikut jarak kilometer, manakala caj untuk menjaga atau meneman mengikut berapa lama AdiNita bersama pelanggan tersebut. Tapi kita AdiNita boleh menolak tempahan tersebut jika tidak sesuai dengan masa AdiNita waktu itu” (Responden 4).

Oleh itu, kajian menunjukkan bahawa, untuk mendapatkan perkhidmatan daripada MakCik Travels, terdapat dua caj yang dikenakan oleh untuk pelanggan. Caj dikenakan mengikut jarak sekiranya menggunakan perkhidmatan AdiNita untuk menghantar ke destinasi tertentu. Manakala caj mengikut jam adalah untuk perkhidmatan meneman warga emas.

5. Perbincangan

Perkhidmatan MakCik Travels yang disediakan kepada warga emas adalah berbentuk perkhidmatan sosial khusus sebagai pemandu dan peneman. Selain itu, perkhidmatan membelikan barang keperluan harian atau mengambil barang yang berada di sesuatu tempat/kawasan jika pelanggannya tidak kesempatan untuk mengambilnya sendiri. Keutamaan perkhidmatan adalah kepada golongan warga emas wanita berumur 60 tahun ke atas. Ia bertujuan supaya keselamatan golongan warga emas terjamin disebabkan faktor

usia meningkat dan kudrat yang semakin lemah. Terdapat juga pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ini terdiri daripada warga emas lelaki, kanak-kanak sekolah dan wanita yang tiada kenderaan di rumah. Mereka menggunakan perkhidmatan MakCik Travels untuk memudahkan pergerakan ke sesuatu tempat bagi menyelesaikan urusan harian. Jika pelanggan merupakan golongan warga emas lelaki, MakCik Travels akan meminta seorang peneman wanita sama ada isteri, anak, saudara, jiran atau kawan yang dikenali pelanggan untuk menemaninya. Ini bertujuan untuk mengelak perkara tidak diingini seperti kecemasan atau jenayah kerana kesemua AdiNita ini terdiri daripada wanita.

Semasa tempahan dibuat, MakCik Travels terlebih dahulu meminta butiran pelanggan seperti nama, tempat tinggal, umur, jantina, jenis perkhidmatan yang diperlukan, tempat dituju, keadaan fizikal, bilangan pelanggan, masa dan tarikh. Butiran ini dinilai terlebih dahulu oleh MakCik Travels tentang jenis perkhidmatan dan kenderaan yang sesuai untuk pelanggannya. Seterusnya mencari AdiNita yang paling hampir dengan pelanggan supaya perkhidmatan dapat diberikan dengan cepat dan tepat mengikut masa yang telah ditetapkan bersama pelanggan. Bagi perkhidmatan pemandu, kebiasaannya pelanggan meminta dihantar ke pusat rawatan seperti klinik, hospital dan farmasi serta ada juga meminta menghantar mereka ke bank, pasar, pusat komuniti, kedai dan pejabat pos. Perkhidmatan pemandu ini menyediakan perkhidmatan mengambil warga emas dari pintu dan terus ke pintu supaya AdiNita dapat memastikan pelanggannya sampai dengan selamat. Semua caj pemandu atau mengambil barang dicaj mengikut jarak sesuatu kawasan.

Manakala perkhidmatan peneman pula, AdiNita memberi perkhidmatan sebagai peneman di rumah jika warga emas wanita ini tinggal sendirian semasa ketiadaan anak-anak di rumah. Terdapat juga AdiNita yang menjadi peneman semasa warga emas melancong ke keluar negara, seperti bercuti atau menunaikan umrah. Kos sebagai peneman di rumah akan dicaj mengikut masa dan kos untuk peneman semasa melancong semuanya ditanggung oleh pelanggan atas persetujuan bersama semasa tempahan dibuat bersama MakCik Travels. Sebagai peneman, AdiNita memberikan khidmat dengan menemani warga emas ketika ahli keluarga keluar bekerja. Perkhidmatan ini dapat memastikan supaya warga emas tidak bersendirian dan mendapat sokongan yang diperlukan (Fakoya et al., 2021). Ia mencerminkan sifat prihatin dan belas kasihan masyarakat dalam menjaga kesejahteraan warga emas terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian (Van Leeuwen, 2019). Selain itu, AdiNita juga menyediakan perkhidmatan sebagai peneman bukan sahaja di rumah tetapi ke tempat-tempat lain. Terdapat warga emas yang ingin memulakan perjalanan ke luar negara, seperti bercuti, menunaikan ibadah Haji atau Umrah. Dalam kes sebegini, AdiNita akan menemani warga emas wanita sepanjang perjalanannya. Sama ada untuk tujuan riadah atau rohani, mempunyai teman yang boleh dipercayai seperti AdiNita menjadikan warga emas berasa selesa, selamat dan perjalanan lebih menyeronokkan. Bayaran untuk perkhidmatan sebagai peneman dikira berdasarkan masa yang diluangkan, sama ada menemani ketika di rumah atau semasa perjalanan. Walau bagaimanapun, semua kos yang berkaitan dengan perkhidmatan peneman AdiNita semasa perjalanan ditanggung

oleh pelanggan, dengan persetujuan bersama dibuat semasa proses tempahan dengan MakCik Travels. Ini memastikan ketelusan dan membolehkan pelanggan membuat keputusan berdasarkan keutamaan dan belanjawan mereka.

Penyediaan perkhidmatan peneman oleh AdiNita menunjukkan satu lagi aspek sokongan masyarakat terhadap warga emas. Ia sekaligus dapat menangani keperluan praktikal dan penjagaan terhadap warga emas. Menjadi peneman bukan sahaja menawarkan persahabatan malah memupuk rasa percaya dan setiakawan antara AdiNita dan warga emas. Ikatan interpersonal ini menyumbang kepada kesejahteraan warga emas dan memberikan mereka keselesaan emosi dan penyediaan sistem sokongan pada masa yang diperlukan (Dai et al., 2023). Perkhidmatan MakCik Travels, khususnya penyediaan perkhidmatan peneman oleh AdiNita, menunjukkan semangat sokongan masyarakat yang padu terhadap warga emas. Dengan menawarkan persahabatan dan penjagaan di rumah dan semasa perjalanan, AdiNita memenuhi peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial dan emosi warga emas dalam masyarakat. Melalui tindakan kebaikan dan keprihatinan yang tulus ini, komuniti mempamerkan komitmen mereka untuk memastikan bahawa warga emas merasakan diri mereka dihargai dan tidak keseorangan. Inisiatif yang ditunjukkan oleh komuniti seperti perkhidmatan MakCik Travels ini dapat memperkukuhkan institusi masyarakat yang mempunyai perasaan belas kasihan, inklusif dan menghormati masyarakat yang lebih tua.

Perbincangan tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels khususnya kepada warga emas menunjukkan sokongan masyarakat terhadap warga emas. Sokongan komuniti adalah penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga tua, terutamanya apabila mereka menghadapi cabaran berkaitan usia yang boleh menjejaskan pergerakan dan kebebasan mereka (Abdul Aziz et al., 2023). Hasil kajian mendapati perkhidmatan MakCik Travels selaras dengan konsep sokongan komuniti untuk warga emas iaitu dari segi mobiliti dan pengangkutan warga emas dipertingkatkan, sekaligus mendorong akses kepada perkhidmatan seperti untuk pergi ke bank, membeli barangan keperluan harian dan kemudahan pengangkutan untuk penjagaan kesihatan. Dengan menawarkan perkhidmatan pengangkutan membolehkan warga emas memenuhi keperluan harian mereka dan menghadiri temu janji penting tanpa perlu bergantung semata-mata kepada ahli keluarga atau pengangkutan awam yang lain. Selain itu, perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels menunjukkan adanya persahabatan dan hubungan sosial yang berharga antara AdiNita dan warga emas. Melalui perkhidmatan pemanduan dan peneman, AdiNita berinteraksi dengan warga emas secara terus dan memberikan sokongan emosi terhadap warga emas. Sebagai peneman, AdiNita menemani warga emas ketika ahli keluarga tidak berada di rumah, kehadiran AdiNita ini dapat menghiburkan dan mengurangkan perasaan kesunyian atau pengasingan sosial yang mungkin dialami oleh sesetengah warga emas. Persahabatan dan hubungan sosial ini berfungsi sebagai faktor penting dalam menyokong kesejahteraan emosi dan mental warga emas. Banyak penelitian menunjukkan bahawa keterlibatan sosial yang tinggi berhubung kait dengan peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas (Chen & Zhang, 2022).

Dalam konteks ini, hubungan persahabatan yang terjalin antara AdiNita dan warga emas melalui perkhidmatan MakCik Travels dapat membantu meningkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup mereka.

Lebih daripada sekadar perkhidmatan pengangkutan, MakCik Travels menyediakan sebuah komuniti sokongan dan hubungan sosial yang bermakna bagi warga emas (Suragarn et al., 2021). Ini adalah penting, terutama ketika warga emas mungkin menghadapi cabaran berkaitan kesihatan atau kehilangan pasangan yang boleh menyebabkan mereka berasa kesepian dan kehilangan. Dalam masyarakat yang memahami pentingnya hubungan sosial dalam penuaan yang berkualiti, perkhidmatan seperti MakCik Travels membuktikan bahawa warga emas diberi perhatian dan dipedulikan dalam segala aspek kehidupan mereka. Selain itu, hubungan persahabatan yang terjalin juga menguatkan ikatan sosial antara warga emas dan komuniti (Ng et al., 2021). Apabila AdiNita menjalankan peranan sebagai peneman, ia bukan sahaja menyediakan sokongan kepada warga emas secara peribadi tetapi juga membantu menghubungkan mereka dengan masyarakat setempat. Dalam proses ini, AdiNita mungkin membawa warga emas ke tempat-tempat awam seperti pasar atau pusat komuniti, memperkenalkan mereka kepada orang lain, dan mendorong integrasi sosial yang lebih baik.

Kesimpulannya, perkhidmatan yang disediakan oleh MakCik Travels selari dengan sokongan komuniti terhadap warga emas. Dengan menawarkan perkhidmatan sosial khusus, pengangkutan peribadi, peneman yang mengutamakan keselamatan dan keselesaan warga emas, perkhidmatan MakCik Travels telah menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas dalam komuniti. Ia juga menunjukkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MakCik Travels ini merupakan satu inisiatif perkhidmatan berasaskan komuniti dan memainkan peranan penting dalam menyokong dan menjaga warga emas (Abdul Aziz Marzuki et al., 2023). Perkhidmatan MakCik Travels ini menunjukkan sifat empati komuniti terhadap warga emas sekaligus menghargai warga emas.

6. Kesimpulan

Peningkatan penduduk menua memberi cabaran kepada masyarakat untuk menyediakan sokongan dan penjagaan terhadap warga emas. Tambahan pula penghijrahan anak-anak untuk meneruskan kelangsungan hidup menyebabkan lebih ramai warga emas yang terpaksa tinggal sendirian. Justeru, peranan MakCik Travels menunjukkan sokongan terhadap warga emas terutama dalam menyediakan sokongan fizikal dan sokongan sosial, terutama bagi warga emas yang tinggal seorang diri. Tanggungjawab penjagaan warga emas tidak hanya diberikan kepada keluarga sahaja, tetapi semua pihak terutama komuniti yang perlu sama-sama mengambil berat terhadap warga emas demi kesejahteraan hidup mereka. Perkhidmatan MakCik Travels adalah selari mengikut keperluan dan kehendak golongan warga emas kerana ini dapat mengurangkan beban serta dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh segelintir warga emas. Perkhidmatan MakCik Travels perlu

diperluaskan ke seluruh negara bagi mengelakkan sindrom *empty nest* terutamanya di kawasan yang pesat membangun. Dengan adanya perkhidmatan seperti ini golongan warga emas lebih berasa dihargai, disayangi dan tidak merasa tersisih dengan masyarakat. Justeru itu, pihak kerajaan harus mengambil pendekatan atau membuat penambahbaikan terhadap langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh warga emas ini, supaya ia menjadi komuniti yang berkualiti serta kesejahteraan hidup mereka terjamin dan terbela seiring dengan pembangunan negara yang mampan pada masa kini. Hasil kajian ini juga memberi maklumat mengenai sokongan sosial yang disediakan oleh komuniti selain daripada ahli keluarga. Sokongan daripada komuniti merupakan penunjuk penting dalam mengurangkan perasaan kesunyian dan seterusnya membawa kepada kesejahteraan warga emas.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), Universiti Sains Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui Projek Libatsama Universiti- Komuniti (1001.PJJAUH.AUPSE00169).

Rujukan

- Abdul Aziz Marzuki, Nik Norliati Fitri Md Nor & Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. (2023). Systematic Literature Review (SLR) on Community Support Among the Older Adults. *Ageing International*, 1-13. <https://doi.org/10.1007/s12126-023-09518-9>
- Beadle, J.N & Vega, C.E. (2019). Impact of Aging on Empathy: Review of Psychological and Neural Mechanisms. *Frontier Psychiatry*. 10, 331. <https://doi:10.3389/fpsy.2019.00331>
- Chen, L. & Zhang, Z. (2022). Community Participation and Subjective Well-Being of Older Adults: The Roles of Sense of Community and Neuroticism. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 19(6), 3261. doi: 10.3390/ijerph19063261. PMID: 35328950; PMCID: PMC8953512.
- Dai, J., Liu, Y., Zhang, X., Wang, Z., & Yang, Y. (2023). A study on the influence of community spiritual comfort service on the mental health of older people. *Frontier Public Health*. 10;11:1137623. doi: 10.3389/fpubh.2023.1137623. PMID: 36969649; PMCID: PMC10036752.
- Dong, X. Q. (2017). Elder Seif-neglect: Research and Practice. *Clinical Interventions in Aging*, 12, 949-954. <https://doi.org/10.2147/CIA.S103359>
- Fakoya, O.A., McCorry, N.K., & Donnelly, M. (2021). How do befriending interventions alleviate loneliness and social isolation among older people? A realist evaluation study. *PLoS One*. 16(9):e0256900. doi: 10.1371/journal.pone.0256900. PMID: 34499682; PMCID: PMC8428774.
- Gallardo-Peralta, L.P., Sanchez-Moreno, E., & Herrera, S. (2022). Aging and Family Relationships among Aymara, Mauche and Non-Indigenous People: Exploring How

- Social Support, Family Functioning, and Self-Perceived Health Are Related to Quality of Life. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. 19, 9247. <https://doi.org/10.3390/ijerph19159247>
- Hantrais, L., Brannen, J. & Bennet, F. (2020). Family change, intergenerational relations and policy implications. *Contemporary Social Sciences*. 15 (3), 275-290. <https://doi.org/10.1080/21582041.2018.1519195>
- Healthcare Professionals Group. (2023). The Power of Empathy: How Compassionate Care Enhances Elderly Well-being. <https://www.hpgconnect.com/blog/2023/06/the-power-of-empathy-how-compassionate-care-enhances-elderly-well-being?source=google.com>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020*. Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020b). *Perangkaan Penting Malaysia 2020*. Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a). *Perangkaan Penting Malaysia 2022*. Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Anggaran Penduduk Semasa Perak*. Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022c). *Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2022*. Putrajaya.
- Jaul, E. & Barron, J. (2017). Age-Related Diseases and Clinical and Public Health Implications for the 85 Years Old and Over Population. *Frontier Public Health*. DOI: 10.3389/fpubh.2017.00335.
- Lu, Y., Lin, Y.Y, Qu, J.Q., Zeng, Y., & Wu, W.Z. (2023). Children's internal migration and subjective wellbeing of older parents left behind: Spiritual or financial support? *Frontier in Public Health*. doi: 10.3389/fpubh.2023.1111288. PMID: 37077185; PMCID: PMC10106587.
- Majlis Keselamatan Negara. (2023). Negara Tua 2030: Persediaan Prasnana Minda dan Fizikal Warga Emas. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/05/08/negara-tua-2030-persediaan-prasnana-minda-dan-fizikal-warga-emas/>
- Malaysia Kini. ULASAN: Tujuh tahun menjelang negara menua. <https://www.malaysiakini.com/news/650232>
- Mahmud, M.A., Hazrin, M., Muhammad, E.N., Mohd Hisyam, M.F., Awaludin, S.M., Abdul Razak, M.A, Mahmud, N.A., Mohamad, N.A., Mohd Hairi, N.N., Wan Yuen, C. (2020). Social support among older adults in Malaysia. *Geriatric Gerontology International*. 2:63-67. doi: 10.1111/ggi.14033. PMID: 33370852.
- Ng, Y.T., Huo, M., Gleason, M.E., Neff, L.A., Charles, S.T., Fingerman, K.L. (2021). Friendships in Old Age: Daily Encounters and Emotional Well-Being. *The Journal of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*. 17, 76(3), 551-562. doi: 10.1093/geronb/gbaa007. PMID: 31943103; PMCID: PMC7887723.
- Sims, T., Reed, A.E., & Carr, D.C. (2017). Information and communication technology use is related to higher well-being among the oldest-old. *Journals of Gerontology-series B Psychological Sciences and Social Sciences* 72(5), 761-770.

- Siti Anom Ahmad, Pin, M.T, Devinder, K.A.S, Rahimah Ibrahim, Pei, L.T & Tengku Aizan Hamid. (ed) (2022). Aging Research and Practices in Malaysia. *Frontier Public Health* 10:948822. doi: 10.3389/fpubh.2022.948822
- Stefanacci, R.G. (2022). Changes in the Body with Aging. MSD Manual Consumer Version. <https://www.msmanuals.com/home/older-people%E2%80%99s-health-issues/the-aging-body/changes-in-the-body-with-aging>.
- Suragarn, U., Hain D., & Pfatt, G. (2021). Approaches to enhance social connection in older adults: an integrative review of literature. *Aging and Health Research*. 1 (3), 1-9. <https://doi.org/10.1016/j.ahr.2021.100029>
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat & Jas Laile Suzana Jaafar. (2012). Difusi ruangan budaya transeksualisme dan imaginasi geografi pelajar lelaki berpenampilan silang di universiti tempatan Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 252-266.
- Suriati Ghazali & Norhayati Mat Ghani. Perception of Female Students towards Social Media-Related Crimes. *Pertanika Journal*, 26 (2), 769 – 786.
- Suridah Ali, & Rahimah Abdul Aziz. (2018). Penjagaan tidak formal warga tua antara tanggungjawab dan beban. *Journal of Sosial Scienes anh Humanities*, 13(3).
- Thomas, P.A & Liu, H. (2017). Family Relationships and Well-Being. *Innovation in Aging*. Volume 1(3).<https://doi.org/10.1093/geroni/igx025>
- United Nations. (2023). Leaving No One Behind in an Ageing World. *World Social Report 2023*. Department of Economic and Social Affairs.
- Van Leeuwen, K.M., van Loon, M.S., van Nes, F.A., Bosmans, J.E., de Vet, H.C.W., Ket, J.C.F., Widdershoven, G.A.M. & Ostelo, R.W.J.G. (2019). What does quality of life mean to older adults? A thematic synthesis. *PLoS One*. 8,14(3), e0213263. doi: 10.1371/journal.pone.0213263. PMID: 30849098; PMCID: PMC6407786.
- www.makciktravels.com Profile Service MakCik Travels.
- Yudhiakuari, S., Maramis, W.F. & Muhammad Nur Rezki. (2018). Improving Elderly's Quality of Life Through Family Role. *Jurnal Kesehatan Masyarakat*. 13 (3), 374-381.